



BAHAGIAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA (CPK)

**MEMO**

**BAHAGIAN KEWANGAN**

Daripada	SUB (K)	PSU(K)6	Segera
Kepada	SUB (BPP)	PSU(K)7	Tindakan
	SUB (BPJ)	PPT(K)3	Sila Bincang
	SUB (BKP)	KPT(K)1	Sila Hadir
	SUB (BPF)	KPT(K)2	Makluman
	KA	KPT(P)	Failkan
Salinan Kepada	KPSU (K) 3	PTC(K) 18 & 19,	09 FEB 2021 09/10 KPSU(K)3
Rujukan Kami	Tarikh	Rujukan Tuan	Tarikh
KKR.BK.400-4/12/3 Jld.14 (30)	08 Februari 2021		

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

**PEMILIHAN AGENSI PENGEMBARA BAGI WARAN PENERBANGAN UDARA AWAM (WPUA)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana pihak YBhg. Dato' / Tuan / Puan telah sedia maklum, Pelan Anti Rasuah Organisasi KKR (OACP) telah dilancarkan oleh YB Menteri Kanan Kerja Raya pada 24 November 2020. Dalam konteks ini, antara pelan tindakan di bawah Strategi 3.2: Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Pengurusan Wang Awam yang melibatkan Bahagian Kewangan selaku peneraju utama adalah mewujudkan inisiatif pemilihan agensi pengembara bagi Waran Penerbangan Udara Awam (WPUA).

3. Sehubungan dengan itu, semua Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan pemilihan agensi pengembara bagi WPUA ditentukan secara penggiliran. Ketetapan ini adalah bagi mengelakkan berlakunya kecenderungan pemilihan agensi pengembara yang sama. Mekanisme penggiliran adalah mengikut susunan abjad bagi semua agensi pengembara yang tersenarai di setiap Pusat Tanggungjawab seperti berikut:

Bil.	PTJ	Mekanisme Pemilihan
i.	35101000 – Bahagian Kewangan	Agensi pengembara yang dipilih bermula dengan huruf D (atau huruf seterusnya sekiranya tiada agensi bermula huruf D dalam senarai di PTJ berkenaan)
ii.	35102000 – Bahagian Perancang Jalan	Agensi pengembara yang dipilih bermula dengan huruf H (atau huruf seterusnya sekiranya tiada agensi bermula huruf H dalam senarai di PTJ berkenaan)
iii.	35104000 – Bahagian Khidmat Pengurusan	Agensi pengembara yang dipilih bermula dengan huruf L (atau huruf seterusnya sekiranya tiada agensi bermula huruf L dalam senarai di PTJ berkenaan)

Bil.	PTJ	Mekanisme Pemilihan
iv.	35128000 – Bahagian Pembangunan dan Penswastaan	Agensi pengembara yang dipilih bermula dengan huruf P (atau huruf seterusnya sekiranya tiada agensi bermula huruf P dalam senarai di PTJ berkenaan)
v.	35138000 – Bahagian Pengurusan Fasiliti	Agensi pengembara yang dipilih bermula dengan huruf T (atau huruf seterusnya sekiranya tiada agensi bermula huruf T dalam senarai di PTJ berkenaan)
vi.	35199000 – Bahagian Akaun	Agensi pengembara yang dipilih bermula dengan huruf Z (atau huruf seterusnya sekiranya tiada agensi bermula huruf Z dalam senarai di PTJ berkenaan)

4. Peraturan ini adalah berkuat kuasa serta merta. Segala kerjasama serta perhatian yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
(IZAMAEL ZAMZURI BIN ISMAIL)

Samb.: 4300

E-mel : [izamael@kkp.gov.my](mailto:izamael@kkp.gov.my)